



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

## KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	SINAR HARIAN			
TARIKH	:	12/6/2021	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	KeTSA			

### JAS perlu tambah parameter ukuran air Tasik Chini - Fuziah

**KUANTAN** - Jabatan Alam Sekitar (JAS) digesa menambah parameter ukuran yang digunakan untuk mengukur bacaan kualiti air di Tasik Chini.

Jurucakap Alam Sekitar Ahli Parlimen Parti Keadilan Rakyat (PKR), Fuziah Salleh berkata, selain empat parameter utama bagi mengukur Keperluan Oksigen Biokimia (BOD), Pepejal Terampoi (SS), Nitrogen Amonia (AN) dan Besi (Fe), ukuran kehadiran logam berat juga perlu sebelum rumusan kualiti air Tasik Chini dibuat sama ada bersih atau sebaliknya.

Menurutnya, selagi bacaan logam berat tidak didedahkan, maka tidak wajar JAS untuk mendakwa bahawa kualiti air di Tasik Chini adalah bersih.

Berdasarkan bacaan kualiti air yang dikeluarkan JAS Pahang pada Khamis, kita dapati hanya empat parameter digunakan sebagai ukuran bacaan kualiti air di tasik semula jadi kedua terbesar itu.

"Kekhuatiran kini apabila melibatkan aktiviti perlombongan adalah kehadiran logam berat di dalam air yang berkemungkinan mengalir masuk ke



FUZIAH

Tasik Chini dari lombong berhampiran, namun bacaan kandungannya tidak terkandung dalam laporan JAS itu," katanya dalam satu kenyataan pada Jumaat.

Fuziah yang juga Ahli Parlimen Kuantan berkata, berdasarkan pengalamannya, aktiviti perlombongan bauksit yang tidak terkawal di Bukit Goh di sini sebelum ini terdapat kehadiran logam

berat seperti merkuri dan kadmium tinggi di dalam air sungai di kawasan hiliran aktiviti perlombongan tersebut.

"Justeru saya gesa JAS menambah parameter ukuran yang digunakan untuk bacaan kualiti air di Tasik Chini dan mendedahkannya kepada pihak orang ramai," katanya.

Tambah beliau, rakyat berhak memantau kualiti air di tasik itu, justeru kerajaan negeri dan pihak JAS perlu telus mempamerkan bacaan kualiti air.

Katanya, data bacaan kualiti air kesemua 15 stesen pemantau perlu diumumkan setiap bulan supaya rakyat dapat memantau impak daripada aktiviti perlombongan yang diluluskan itu serta pencemaran dari lombong lain di sekitarnya.